



مجلس دائيره تنجوع ماليم

**MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

Peti Surat 59,  
35900 Tanjong Malim,  
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-4563410

05-4563420

Faks : 05-4563430

05-4563440

Laman : <http://www.mdtm.gov.my>

Ruj. Kami : Bil(1 )dlm.MDTM(TEK)(IKLAN) 03/24

Tarikh : 23 Syaaban 1445

4 Mac 2024

### KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan serta Kementerian Kewangan Malaysia yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja seperti berikut:-

NO. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN
MDTM 06/10/10- 03/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Longkang Di Jalan Jati Dan Lorong Kasturi, Slim River	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE21, Daerah Muallim, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 04/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Longkang Di Taman Slim Indah Dan Bandar Baru, Slim River	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE21, Daerah Muallim, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 05/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Dan Longkang Di Taman Slim, Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE01 & CE21, Daerah Muallim, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 06/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Longkang Di Kawasan Perumahan Bandar Behrang 2020 Dan Taman Wangsa Behrang	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE21, Daerah Muallim, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 07/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Dan Longkang Di Kawasan Sekitar Kota Malim Prima, Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE01 & CE21, Daerah Muallim, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 08/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Longkang Di Sekitar Taman Perumahan Jalan Ketoyong, Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE21, Daerah Muallim, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 09/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Dan Longkang Di Jalan Taman Bernam Baru 2/1 Dan Sekitar Taman Perumahan Taman Bernam, Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE01 & CE21, Daerah Muallim, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 10/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Taman Wangsa Behrang, Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE01, Daerah Muallim, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 11/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Taman Bukit Slim, Slim River	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE01, Daerah Muallim, Bumiputera	RM 50.00

MDTM 06/10/10- 12/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Taman Ketoyong Damai, Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE01, Daerah Muallim, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 13/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Garisan Jalan Di Sekitar Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Malim	Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia Dibawah Kod Bidang 090201 Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 14/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bonggol Jalan Di Sekitar Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE01, Daerah Muallim, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 15/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Kawasan Pentadbiran MDTM (Sekitar Bandar Bandar Behrang 2020 Hingga Slim River)	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1 atau G2, Kategori ME, Pengkhususan E11, E16 dan E17, Negeri Perak, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 16/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Kawasan Pentadbiran MDTM (Sekitar Bandar Proton City)	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1 atau G2, Kategori ME, Pengkhususan E11, E16 dan E17, Negeri Perak, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 17/2024	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Penghawa Dingin Di Bangunan Pejabat Dan Dewan Milik Majlis Daerah Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1 atau G2, Kategori ME, Pengkhususan M01, Negeri Perak, Bumiputera	RM 50.00
MDTM 06/10/10- 18/2024	Kerja-Kerja Menaik Taraf Pendawaian Elektrik Dan Penghawa Dingin Di Bangunan Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1 atau G2, Kategori ME, Pengkhususan E11 atau M01, Negeri Perak, Bumiputera	RM 50.00

2. Naskah meja tawaran akan dipamerkan di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim dari **14 Mac 2024 hingga 21 Mac 2024** semasa waktu pejabat. **Penyebut harga yang berminat boleh membeli dokumen tawaran bermula dari 14 Mac 2024 hingga 21 Mac 2024.**

3. Dokumen tawaran akan dijual bermula **14 Mac 2024 hingga 21 Mac 2024** mengikut waktu pembayaran seperti berikut:-

SELASA – KHAMIS	
Pagi	: 9.00 pagi – 12.15 tengahari
Petang	: 2.15 petang – 4.00 petang

JUMAAT	
Pagi	: 9.00 pagi – 12.00 tengahari
Petang	: 3.00 petang – 4.00 petang

Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tarikh dan waktu dinyatakan ini.

4. Kontraktor hendaklah **HADIR SENDIRI** dengan membawa bersama:-

- a. Kad Pengenalan.
- b. Sijil Asal PKK, SSM, dan CIDB } (salinan dikemukakan kepada urusetia)
- c. Wakil tidak dibenarkan semasa membeli dokumen sebutharga
- d. Kebenaran Khas tidak dibenarkan.
- e. Hanya penyebutharga yang berkelayakan sahaja dibenarkan membeli dokumen tawaran tersebut

5. **Penyebut harga yang berminat adalah diwajibkan menyertai satu lawatan tapak yang akan diadakan pada 14 Mac 2024 (Khamis) jam 10 pagi bertempat di Dewan Sri Tanjong, Majlis Daerah Tanjong Malim, Behrang 2020. Penyebutharga diwajibkan membawa bersama salinan asal (termasuk satu salinan fotostat) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK). Hanya penyebutharga yang berkelayakan sahaja dibenarkan menyertai lawatan tapak dan wakil tidak dibenarkan.**

6. Pembayaran dokumen tawaran hendaklah berbentuk tunai, bank draf atau wang kiriman pos di buat atas nama Yang Dipertua, Majlis Daerah Tanjong Malim. Tawaran hendaklah di buat di atas dokumen tawaran yang diambil daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.

7. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan nombor tawaran di penjuru sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di Kaunter Utama, Jabatan Kejuruteraan, Tingkat 2 (Blok A) Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim pada atau sebelum 22 Mac 2024 (Jumaat) jam 12.00 tengahari. Sila lampirkan salinan tiga bulan penyata bank dari bulan Disember 2023, Januari 2024 dan Februari 2024 serta senarai pengalaman kerja terdahulu yang berkaitan dengan sebutharga ini. Sebarang tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan ditolak.

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan kenyataan ini, sila hubungi talian MDTM 05-4563410 / 05-4563420 (Puan Khairul Wati binti Tajjudin).

9. Majlis ini tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran tertentu.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ROSLAN BIN KAMARUZAMAN)**

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Tanjong Malim